



DATUK LEE SAN CHOON

# Datuk Lee beri amaran keras kepada pekerja2 LPK

KUALA LUMPUR, Khamis — Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon hari ini memberi amaran sekeras-kerasnya terhadap pekerja-pekerja Lembaga Pelabuhan Kelang, sekiranya mereka didapati terlibat dalam sebarang percubaan menyeludup barang-barang di pelabuhan itu.

Menurutnya, pihaknya akan mengenakan tindakan disiplin dan tindakan yang setimpal jika pekerja-pekerja itu didapati terlibat.

Datuk Lee menyatakan demikian ketika diminta mengulas kejadian kehilangan 397 video dan 3,000 kaset bernilai hampir \$1 juta minggu lalu.

Menurutnya, mereka telah diamanahkan untuk menjaga keselamatan barang-barang di kawasan Pelabuhan Kelang dan tanggungjawab itu hendaklah dipatuhi setiap masa.

Polis Selangor semalam berjaya menjumpai semula 397 video dan 3,000 kaset bernilai \$1 juta yang dilaporkan hilang dari sebuah kontena dari Pelabuhan Kelang minggu lalu.

Bagaimanapun, polis berharap akan dapat menemui semula baki tiga video yang hilang secepat mungkin.

Lapan orang termasuk seorang perempuan telah ditahan berhubung kes tersebut.

Menurut Datuk Lee, pihaknya sedang menunggu laporan polis dan sekiranya didapati ada pekerja-pekerja pelabuhan di bawah Lembaga Pelabuhan Kelang terlibat, pihaknya akan mengambil tindakan sewajarnya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut, kerana kes tersebut masih dalam tangan pihak berkuasa polis.

## UMNO lantik ketua baru

KANGAR, Khamis — Bekas Naib Ketua Pemuda Umno Negeri Perlis, Encik Mohamad Noor Bedah hari ini dilantik menjadi Ketua Pemuda Umno Negeri yang baru.

Beliau menggantikan Encik Idrus Ibrahim yang dilantik menjadi naib ketua.

Perlantikan ini dibuat dalam satu pertemuan antara Pergerakan Exco/Pemuda Umno Malaysia dengan para anggota jawatankuasa Pergerakan Pemuda Bahagian Arau dan Kangar di Rumah Tetamu di sini.

Ketua Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim yang mempengerusikan pertemuan itu mensifatkan perlantikan itu sebagai yang paling mudah.

Hadir sama ialah Menteri Besar Perlis, Haji Ali Ahmad dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia